

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 12, 2019 8:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tiga Sekolah Pengajian Siswazah Terima Pelajar Baharu Sesi September 2019/2020



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 SEPTEMBER 2019 / 12 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TIGA SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH TERIMA PELAJAR BAHARU SESI SEPTEMBER 2019/2020



UUM ONLINE: Tiga sekolah pengajian siswazah UUM telah menerima kemasukan pelajar baharu sesi September 2019/2020 yang mula mendaftar semalam.

Tiga sekolah pengajian siswazah tersebut ialah Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) dan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences (AHSGS).

Di OYAGSB, proses pendaftaran pelajar bermula jam 9 pagi hingga 2 petang berjalan lancar bagi mengikuti program di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah kedoktoran.

Dekan OYAGSB, Prof. Dr. Shahizan Hassan berkata, sesi dimulakan dengan semakan dokumen dan pendaftaran di dalam sistem dan pengaktifan portal.

“Bagi kemasukan kali ini, seramai 180 pelajar telah ditawarkan mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang di bawah UUMCOB dan OYAGSB meliputi 92 pelajar tempatan dan 88 pelajar antarabangsa dari pelbagai negara .

“Antaranya Palestin, Yemen, Iraq, China, Algeria, Pakistan, Somalia, Thailand, Nigeria dan Indonesia,” ujarnya.

Beliau turut mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada pelajar yang berjaya mendaftar sekali gus menjadi sebahagian daripada warga UUM.

“Saya berharap para pelajar belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan di samping menggunakan kesempatan belajar di UUM dengan sebaik mungkin.

“Semoga para pelajar dapat melengkapkan pengajian dan bergraduasi dalam tempoh masa yang ditetapkan (GOT-Graduate on Time),” katanya..

Sejurus selepas itu, siri taklimat akademik disampaikan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Subramaniam Sri Ramalu, diikuti taklimat Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan taklimat pengenalan berkaitan AACSB disampaikan oleh Prof. Dr. K. Kuperan a/l K.V.S.N Viswanathan.

Manakala Di GSGSG, 42 pelajar berjaya mendaftar bagi mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang di mana 24 pelajar di peringkat sarjana dan 18 pelajar di peringkat ijazah kedoktoran.

Daripada jumlah itu, pelajar Malaysia terdiri daripada 34 manakala selebihnya pelajar antarabangsa dari China, Emiriah Arab Bersatu dan Indonesia.

Dekan GSGSG, Prof. Madya Dr. Rusdi Omar mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu serta melahirkan penghargaan kerana telah memilih UUM sebagai destinasi untuk melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah.

Beliau turut menzahirkan hasrat agar para pelajar dapat menimba pengalaman berharga dan menggunakan peluang yang ada dengan sebaik-baiknya.

Sementara itu, di AHS GS pula menerima pelajar seramai 153 melibatkan 151 adalah pelajar tempatan dan dua lagi adalah pelajar antarabangsa dari Indonesia dan Jordan.

Daripada jumlah itu, 137 mengikuti program di peringkat Sarjana dan selebihnya adalah Doktor Falsafah.

Pada sesi pendaftaran itu, pelajar diberikan taklimat tentang portal, perpustakaan, pentadbiran akademik dan taklimat akademik oleh pusat pengajian.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.